

# Toman galang ikan termahal

Daerah ini jadi tumpuan bila musim tengkujuh



Nazita menunjukkan ikan seluang buluh dan tebakang yang berharga RM5.



Ismail menunjukkan ikan yang dibelinya semalam.

NOOR AZLIDA ALIMIN

**RANTAU PANJANG** - Jangan terkejut jika ikan sungai boleh menyamai harga ikan laut dalam.

Sejauh mana kesanggupan kita beli ikan yang berharga RM70 sekilogram?. Ia bukan satu isu besar kepada penggemar ikan sungai di negeri ini.

Ikan sungai ini bukan sahaja menjadi pilihan penduduk malah peniaga kedai-kedai makan di sini.

Malah ada yang sanggup menunggu giliran semata-mata mahu mendapatkan bekalan ikan sungai daripada pembekal di Rantau Panjang.

Sumber sungai yang kaya dengan pelbagai spesies ikan membuka rezeki kepada penduduk, nelayan darat dan peniaga ikan sungai di Rantau Panjang.

Peniaga Nazita Hamat, 45, berkata, dia pernah menjual ikan termahal iaitu toman galang yang mencecah harga RM70 sekilogram.

Menurutnya, ikan tapah dan sebarau turut menjadi pilihan penduduk meskipun harganya boleh mencapai antara RM50 hingga RM65 sekilogram.

"Sebelum ini, ramai yang anggap ikan baung

**INFO** • Toman galang dijual dengan harga RM70 sekilogram

yang berharga RM45 sekilogram adalah termahal.

"Mungkin sebab toman galang, tapah dan sebarau sukar ditangkap dan ia jarang dijual di gerai-gerai sepanjang Jalan baharu Pasir Mas Rantau Panjang," katanya.

**Paling murah RM10 sekilogram**

Nazita berkata, ikan keli, puyu dan haruan turut mendapat permintaan tinggi penduduk.

Malah katanya, belut menjadi pilihan paling popular dalam kalangan peniaga kedai makan.

"Kenaikan pa-

ras air menyebabkan ikan sungai mudah diperolehi di Sungai Lubok Jong dekat Kampung Serongga, malah saiznya yang lebih besar turut menyumbang kepada permintaan tinggi ketika tengkujuh.

"Manakala harga ikan turbo, seluang buluh dan tebakang yang hanya mencecah RM10 setiap kg, menjadi pilihan penduduk kerana ia bukan sahaja sedap digoreng garing malah dijadikan ikan pekasam," katanya.

**Pembekal sedia 100kg ikan sehari**

Nazita yang juga bekas pekerja di Pelabuhan Klang berkata, kepulangannya ke kampung membuah hasil apabila dia bukan sahaja dapat menjana pendapatan dalam perniagaan malah membantu 45 penduduk yang juga pembekal ikan sungai di kampung ini.

Katanya, seramai 45 pembekal menyediakan hampir 100 kg ikan pelbagai jenis dalam masa sehari.

Malah menurutnya, dia teruja apabila ikan sungai dari Kampung Serongga mendapat sambutan daripada penduduk

tempatan dan Thailand.

Sementara itu, pembeli, Ismail Wahab, 46, berkata, ikan sungai menjadi kegemarannya bersama anak-anak.

Menurutnya, dia sanggup memandu ke Rantau Panjang dari Pengkalan Chepa semata-mata mahu mendapatkan bekalan ikan sungai yang segar.

"Dah ramai peniaga jual ikan sungai tapi saya pilih untuk beli di sini sebab yakin dengan kesegaran ikan yang baru sahaja ditangkap pagi ini.

"Lagipun, peniaga di sini turut menyediakan khidmat menyang ikan sekali gus memudahkan isteri untuk memasak di rumah," katanya.

**Terpaksa tunggu giliran**

Sementara itu, peniaga, Siti

Khatijah Umar, 55, dari Kampung Kusa, berkata, memandangkan ikan sungai turut menjadi rebutan peniaga kedai makan, kebanyakan pelanggannya terpaksa menunggu giliran mendapatkan bekalan ikan tersebut.

Menurutnya, biasanya peniaga membeli belut dalam kuantiti yang banyak, antara 30 hingga 40kg.

Ada juga katanya, pembeli tetap terpaksa menempah terlebih dahulu kerana tidak mahu berebut setiap kali ke kedai.

Menurutnya, harga jualan juga berbeza ketika dan selepas tengkujuh kerana bekalan semakin berkurangan apabila paras sungai mula surut.

"Bagi mengekalkan kesegaran ikan, saya jarang jual semula ikan yang tidak terjual, ikan itu saya buat pekasam," katanya.

Siti Khatijah menunjukkan belut pisang yang mendapat sambutan luar biasa setiap kali tengkujuh.



Nazita turut menyang ikan sungai untuk pelanggannya.